



Shaik Abdul Rasheed (kanan) bersama Dr Mohd Uzir pada sidang media mengumumkan prestasi KDNK suku kedua 2023 di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Hazleen Mohamad/BH)

# Pertumbuhan ekonomi terus disokong permintaan domestik

**KDNK tahun ini diunjur kekal sederhana 4 hingga 5 peratus**

Oleh Mahanun Abdul Aziz dan Alzahrin Alias  
bhbiz@NSTP.com.my

**Unjuran** pertumbuhan ekonomi Malaysia bagi keseluruhan 2023 dijangka kekal sederhana sekitar 4 peratus hingga 5 peratus dengan lebih cenderung kepada jutal yang lebih rendah berikutan persekitaran luaran yang mencabar.

Pada suku kedua 2023, pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara menyederhana kepada 2.9 peratus, lebih rendah berbanding jangkaan konsensus 3.3 peratus dan lebih

perlahan berbanding pertumbuhan 5.6 peratus dicatatkan pada suku pertama 2023.

Secara keseluruhan, pertumbuhan ekonomi Malaysia pada separuh pertama 2023 adalah 4.2 peratus berbanding 6.8 peratus tempoh sama tahun lalu.

Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Datuk Shaik Abdul Rasheed Abdul Ghaffour, berkata pertumbuhan bagi tahun ini akan terus didorong oleh permintaan dalam negeri berikutan peningkatan guna tenaga dan pendapatan serta pelaksanaan projek berbilang tahun.

Beliau berkata, ketibaan pelancong dijangka terus meningkat, lantas menyokong aktiviti berkaitan pelancongan.

Jelasnya, risiko terhadap prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia akan bergantung kepada risiko pertumbuhan menjadi semakin perlahan yang berpunca, terutama pertumbuhan global lebih lemah daripada jangkaan.

“Bagaimanapun, terdapat faktor risiko pertumbuhan menjadi lebih tinggi seperti aktiviti pelancongan lebih kukuh daripada jangkaan serta pelaksanaan projek yang lebih pantas,” katanya pada sidang media bersama BNM dan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) mengumumkan prestasi KDNK suku kedua 2023 di Kuala Lumpur, semalam.

Ia juga adalah sidang media pertama Abdul Rasheed selepas dilantik sebagai Gabenor BNM pada 1 Julai lalu.

Hadir sama, Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin.

## Ambil kira faktor sementara

Mengulas prestasi ekonomi suku kedua 2023, Abdul Rasheed berkata, pertumbuhan sederhana itu sebahagiannya didorong beberapa faktor sementara, termasuk penyelenggaraan loji dalam sektor perlombongan, cuaca panas yang menjaskan keluaran

pertanian serta kesan asas yang tinggi daripada pembukaan semula ekonomi dan langkah dasar pada suku kedua tahun lalu.

Beliau berkata, berdasarkan anggaran pihaknya, jika bukan kerana faktor berkaitan komoditi, pertumbuhan boleh meningkat 40 mata asas pada 3.3 peratus.

“Ekonomi menghadapi risiko penurunan yang berpunca daripada pertumbuhan global lebih lemah daripada jangkaan dan kitaran penurunan teknologi lebih mendalam atau lebih lama dari pada jangkaan.

“Selain itu, terdapat kemungkinan pengeluaran komoditi lebih rendah daripada jangkaan dalam negara berikutan impak lebih kuat daripada El Nino dan penyelenggaraan loji yang berpanjangan.

“Sebaliknya, aktiviti pelancongan boleh meningkat lebih tinggi, sementara kemajuan projek pelaburan boleh menjadi lebih

pantas daripada dijangkakan,” katanya.

Abdul Rasheed berkata, perbelanjaan isi rumah akan terus berkembang, disokong pertumbuhan gaji dan penampang kewangan yang mencukupi.

Beliau berkata, data frekuensi tinggi seperti perbelanjaan kad kredit dan jualan kereta penumpang terus mencatatkan rekod melebihi angka prapandemik.

“Melangkah ke hadapan, perbelanjaan isi rumah kekal sebagai pemacu pertumbuhan disokong pertumbuhan pekerjaan berterusan, penampang kewangan isi rumah yang sihat, langkah dasar kerajaan dan keredaan tekanan harga.

“Pada separuh kedua 2023, isi rumah kekal disokong oleh langkah baharu diumumkan kerajaan iaitu e-Tunai RM100 untuk B40 dan M40 serta bantuan khas RM300 dan RM200 untuk penjawat awam dan pesara,” katanya.